

Mahathir minta rakyat ketepikan

UM 24 MAR 2011

KUALA LUMPUR 23 Mac — Perdana Menteri meminta rakyat mengetepikan perbezaan kaum dan fahaman agama sebaliknya berganding bahu membangunkan negara dengan semangat setiakawan yang tinggi

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang masalah atau perselisihan yang timbul antara kaum sepatutnya diselesaikan melalui perundingan

Kita mahu hidup dalam aman dengan semua

kaum di negara ini Dengan keamanan negara akan dapat dibangunkan katanya

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Malam Millennium Ulang Tahun ke 36 Persatuan Malaysia Hindu Sangam di Bangunan PGRM di sini malam ini

Perdana Menteri seterusnya berkata beliau tidak menafikan bahawa bukan mudah untuk mencari persamaan pendapat dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia

Malah tegas beliau masyarakat yang beragama Islam turut sukai disatukan berikutan wujudnya pelbagai pendapat yang berbeza

Keturunan

Bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi masyarakat yang mempunyai asal keturunan dan agama yang berbeza mempunyai tafsiran yang berlainan jelasnya

Dalam pada itu beliau kesal dengan tindakan kumpulan yang melaku

kan perbuatan tidak rasional untuk memecah belah kaum dalam kejadian yang berlaku di perkampungan setinggan di Jalan Klang Lama baru baru ini

Difahamkan bahawa kejadian itu berpunca daripada perselisihan kecil

Namun tindakan pihak tertentu yang tidak menyaksikan punca sebenar telah mengapi-apikan lagi keadaan tegasnya

Menurut Perdana Menteri kerajaan berjaya mengawal kejadian itu tetapi

ada pihak lain yang masih tidak berpuas hati dengan tindakan kerajaan

Beliau yakin kejadian tersebut bukan berpunca daripada perbezaan kaum semata-mata tetapi faktor faktor sosial yang mendorong masyarakat itu mudah memberontak

Setinggan

Sehubungan itu Dr Mahathir memberitahu kerajaan akan mengatasi ketidakseimbangan ekonomi di kawasan setinggan terbabit dengan segera

perbezaan kaum

Kita juga akan membantu mengatasi masalah yang sama yang wujud di kawasan setinggan di seluruh negara jelasnya

Dalam pada itu beliau berkata kerajaan juga sedang mencari pendekatan terbaik untuk mengatasi masalah kuil-kuil yang dibina secara haram di seluruh negara

Beliau telah mengarahkan Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu supaya berbincang dengan ahli-ahli jawatankuasa kuil supaya masalah itu dapat diatasi

Sementara itu dalam perkembangan lain Dr Mahathir menyeru kepada masyarakat India supaya membendung gejala meminum minuman keras

Masalah

Tidak semua masyarakat India suka dengan tabiat itu kerana banyak masalah yang timbul apabila tabiat itu diamalkan secara serius katanya

Beliau menarik perhatian kerajaan tidak lagi berminat untuk menda

pat hasil pendapatan yang bersumberkan daripada minuman keras dan rokok

Katanya kerajaan mempunyai banyak alternatif lain untuk mendapatkan sumber pendapatan negara

Langkah ini bukan bertujuan menghalang masyarakat India untuk minum minuman keras atau menjual di premis premis perniagaan termasuk hotel kerana kita masyarakat berbilang kaum tambahnya